

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 6 Mei 2021



KENYATAAN MEDIA PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN MAC 2021

Nilai jualan sektor Pembuatan berkembang lebih pantas 15.3 peratus pada Mac 2021, tertinggi selepas 44 bulan

PUTRAJAYA, 6 M E I 2021 – Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada bulan Mac 2021 berjumlah **RM126.9 bilion** bertumbuh sebanyak **15.3 peratus** berbanding tahun sebelumnya. Berasaskan bulan ke bulan, nilai jualan naik **7.2 peratus** (Carta 1). Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA, MAC 2021** hari ini.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Peningkatan 15.3 peratus iaitu tertinggi selepas 44 bulan adalah dipacu oleh Produk Kelengkapan Pengangkutan & Pembuatan Lain (**34.2%**), Produk Elektrik & Elektronik (**17.0%**) dan Produk Makanan, Minuman & Tembakau (**14.9%**)."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin juga berkata jumlah pekerja sektor Pembuatan pada bulan Mac 2021 adalah seramai **2,233,545 orang**, berkurang **1.1 peratus** berbanding 2,257,273 orang pada Mac 2020.


Kandungan laporan tersebut juga menyatakan jumlah gaji & upah yang dibayar adalah berjumlah **RM7,514.3 juta**, meningkat **0.8 peratus** atau **RM58.3 juta** pada Mac 2021 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Pada masa yang sama, nilai jualan per pekerja meningkat **16.5 peratus** kepada **RM56,831** berbanding bulan yang sama tahun 2020. Sementara itu, purata gaji & upah setiap pekerja adalah sebanyak **RM3,364** pada bulan Mac 2021.

Pada suku tahun pertama 2021, nilai jualan merekodkan peningkatan **8.5 peratus** kepada **RM368.2 bilion** berbanding tempoh yang sama tahun 2020. Bilangan pekerja pada tempoh tersebut berkurang **1.1 peratus** kepada **2,233,545 orang** manakala gaji & upah dibayar mencatatkan penurunan **0.6 peratus** kepada **RM22.6 bilion**. Nilai jualan per pekerja pada tempoh rujukan meningkat sebanyak **9.7 peratus** kepada **RM164,865**.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara Bersemuka dan Dalam Talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Pertumbuhan Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Tahun ke Tahun (YoY) dan Bulan ke Bulan (MoM), Januari 2020 – Mac 2021



PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

6 MEI 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 6 May 2021



MEDIA STATEMENT
MONTHLY MANUFACTURING STATISTICS
MARCH 2021

***Manufacturing sales grew at a faster pace of 15.3 per cent in
March 2021, the highest after 44 months***

PUTRAJAYA, 6 MAY 2021 - Malaysia's Manufacturing sales in March 2021 stood at ***RM126.9 billion***, grew ***15.3 per cent*** as compared to previous year. On monthly basis, the sales value increased by ***7.2 per cent*** (Chart 1). The Department of Statistics Malaysia published the ***MONTHLY MANUFACTURING STATISTICS, MALAYSIA, MARCH 2021*** today.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said "The year-on-year increase of 15.3 per cent was the highest after 44 months, driven by Transport Equipment & Other Manufactures Products (***34.2%***), Electrical & Electronics Products (***17.0%***) and Food, Beverages & Tobacco Products (***14.9%***)."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added that the total employees engaged in the Manufacturing sector in March 2021 was ***2,233,545 persons***, a decrease of ***1.1 per cent*** as compared to 2,257,273 persons in March 2020.


The content of the report also stated that salaries & wages paid amounted to ***RM7,514.3 million***, increased by ***0.8 per cent*** or ***RM58.3 million*** in March 2021 as against the same month of the preceding year.

Simultaneously, the sales value per employee rose by **16.5 per cent** to record **RM56,831** as compared with the same month in 2020. Meanwhile, the average salaries & wages per employee was **RM3,364** in March 2021.

In the first quarter 2021, the sales value registered an increase of **8.5 per cent** to **RM368.2 billion** as compared to the same period of 2020. The number of employees engaged during the period declined by **1.1 per cent** to register **2,233,545 persons** while salaries & wages paid decreased by **0.6 per cent** to **RM22.6 billion**. The sales value per employee during the reference period rose by **9.7 per cent** to record **RM164,865**.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face to face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: Growth of Sales Value of the Manufacturing Sector, Year-on-Year (YoY) and Month-on-Month (MoM), January 2020 – March 2021



THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

6 MAY 2021